

Penuntut USIM sertai aktiviti 'One Sky' kongsi ilmu astronomi

TELOK KEMANG 20 Mei - Minat mendalam terhadap bidang astronomi membuatkan penuntut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Nilai tidak melepaskan peluang untuk menyertai aktiviti 'One Sky' di Balai Cerap Baitul Hilal, Port Dickson, dekat sini, baru-baru ini.

Menurut seorang penuntut, **Anuwar Idrus**, 22, sebaik mengetahui mengenai program tersebut melalui laman sosial dia terus berpakat bersama sekumpulan universiti untuk ke program tersebut.

"Kami yang mengikuti bidang Ijazah Sarjana Muda Fiqh dan Fatwa di USIM ini sepakat pergi ke program ini dengan turut membawa teleskop jenis Meade Etx 90 milik kampus ke sini.

"Di sini kami dapat melihat cerapan dan turut berkongsi ilmu dengan peminat astronomi yang lain. Ini secara tidak langsung menambahkan pengetahuan kami



ANUWAR IDRUS



AHMAD AKMAL



MUHD FAZRUL

melalui ilmu falak ini," jelasnya.

Bagi rakannya, **Ahmad Akmal Hakim**, 22, aktiviti itu bukan sahaja dapat memupuk semangat cinta dalam bidang astronomi malah berjaya menarik minat masyarakat untuk mendalami bidang ini.

"Sememangnya ilmu astronomi ini luas dan apabila kita mula menjinakkan diri dalam mengetahui sesuatu yang asas pastinya kita akan terpijak dan ingin mengetahui lebih mendalam.

"Program ini dapat memberi gambaran dan peringkat awal terhadap jenis teleskop dan objek yang berada di langit ini," katanya.

Tambah, **Muhd. Fazrul Faez**, 22, aktiviti itu sedikit sebanyak memberi pendedahan jenis teleskop kepadanya.

"Saya lihat ramai penjurung yang terdiri daripada peminat astronomi berkumpul dan membawa pelbagai jenis teleskop," katanya.



PELAJAR USIM, Nilai tidak melepaskan peluang dalam menyertai 'One Sky' di Balai Cerap Baitul Hilal, Port Dickson, baru-baru ini.